



Kenyataan Media

MUAT NAIK HANTARAN PALSU GUNA LOGO BULETIN TV3: INDIVIDU DISIASAT

CYBERJAYA, 30 Disember 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membuka satu kertas siasatan berhubung penularan satu hantaran palsu di platform media sosial yang menggunakan logo dan identiti visual Buletin TV3 bagi menyebarkan maklumat tidak benar bahawa Menteri Komunikasi telah mengeluarkan kenyataan mengenai penutupan TikTok Malaysia.

Siasatan awal MCMC mendapati kandungan berkenaan telah diubah suai dan disahkan sebagai palsu, serta kenyataan tersebut tidak pernah dikeluarkan oleh Menteri Komunikasi.

Pihak Media Prima Berhad juga telah membuat laporan polis dan penafian bahawa hantaran berkenaan diterbitkan oleh Buletin TV3 atau mana-mana platform berita di bawah rangkaian Media Prima. Penafian tersebut turut menjelaskan bahawa penggunaan logo, nama dan identiti visual Buletin TV3 dalam hantaran palsu berkenaan merupakan satu bentuk penyalahgunaan yang sengaja mengelirukan orang ramai.

Sehubungan itu, satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Seorang individu yang disyaki terlibat telah dipanggil bagi membantu siasatan dan keterangannya telah dirakam oleh pihak MCMC di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kerian, Perak.

Sebanyak satu (1) unit telefon bimbit dan satu (1) kad SIM telah disita bagi tujuan analisis forensik digital.

Seksyen 233 Akta 588 memperuntukkan hukuman denda maksimum sehingga RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Orang ramai diingatkan agar sentiasa menyemak kesahihan maklumat sebelum memuat naik, berkongsi atau mengulas di media sosial. Penyebaran kandungan palsu dan penyalahgunaan identiti bukan sahaja boleh mengelirukan masyarakat, malah boleh membawa kepada tindakan undang-undang.

LAMPIRAN



Proses rakaman keterangan telah dilaksanakan di IPD Kerian, Perak.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

